13	Pembinaan Relau untuk Bengkel Parang, Kg Marakau, Ranau	1	Sedang Berjalan	24	RM4,500.00
14	Penyelenggaraan dan Operasi Relau untuk Bengkel Parang, Kg. Marakau, Ranau	1	Sedang Berjalan	24	RM500.00
15	Perniagaan dan Pemasaran Bagi Memperkasakan Kebolehpasaran Produk Bengkel Parang, Kg. Marakau, Ranau	1	Sedang Berjalan	50	RM2,000.00
16	Ternakan Ayam Kepada Komuniti Tagal Maliba (Komuniti Tertumpu Kg. Marakau, Ranau)	1	Belum Bermula	50	RM30,000.00
17	Pembuatan Kraftangan (*Souvenir*) "Satu Rumah Satu Kraf" Kg. Marakau, Ranau	1	Belum Bermula	-	RM8,000.00
18	Penambahbaikan Struktur Bengkel Parang Komuniti Tertumpu Bombon Kg. Marakau, Ranau	1	Sedang Berjalan	50	RM7,000.00
Jumlah		**18**		**3,346**	**RM199,958.00**

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

KELESTARIAN KEWANGAN

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN 2022

Pendapatan Mengurus

Pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2022, jumlah Pendapatan Mengurus UMS ialah **RM388,795,163** iaitu peningkatan sebanyak **6.5%** berbanding tahun 2021 yang berjumlah **RM365,184,088**. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM351,737,268** atau **90.4%** adalah pemberian Kerajaan dan bakinya adalah daripada sumber dalaman Universiti seperti yuran pengajian dan pendapatan lain.

JENIS PENDAPATAN	2022		2021		2020	
	RM	%	RM	%	RM	%
Geran Kerajaan, Pemberian Kerajaan Direalisasi dan Pemberian Kerajaan dan Lain-lain Sumbangan	351,737,268	90.4%	322,376,600	88.3%	285,163,821	88.7%
Pelbagai Yuran	34,473,337	8.9%	32,784,960	9.0%	32,310,531	10.0%
Pendapatan Lain	2,584,558	0.7%	10,022,528	2.7%	4,238,682	1.3%
JUMLAH	388,795,163	100%	365,184,088	100%	321,713,034	100%

Punca Pendapatan Mengurus Tahun 2022



Punca Pendapatan Mengurus Tahun 2021



Punca Pendapatan Mengurus Tahun 2020



Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus UMS meningkat sebanyak **8.2%** daripada **RM413,134,810** pada tahun 2021 kepada **RM446,869,150** pada tahun 2022. Perbelanjaan terbesar adalah merupakan emolumen iaitu **53.9%** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2022.

JENIS PERBELANJAAN	2022		2021		2020	
	RM	%	RM	%	RM	%
Emolumen	240,743,929	53.9%	217,395,404	52.6%	203,622,151	50.0%
Perkhidmatan dan Bekalan	123,295,347	27.6%	114,160,049	27.6%	124,347,391	30.5%
Pemberian dan Kenaan Tetap	10,361,715	2.3%	7,328,278	1.8%	5,865,228	1.4%
Perbelanjaan Lain	72,468,159	16.2%	74,251,079	18.0%	73,759,482	18.1%
JUMLAH	446,869,150	100%	413,134,810	100%	407,594,252	100%

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022



Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021



Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020



Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus 2022

BUTIR	2022	2021	2020
Pendapatan	388,795,163	365,184,088	321,713,034
Perbelanjaan	446,869,150	413,134,810	407,594,252
KURANGAN	(58,073,987)	(47,950,722)	(85,881,218)

Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus UMS



Pemberian dan Perbelanjaan Pembangunan

Pemberian Kerajaan diterima bagi maksud Pembangunan pada tahun 2022 adalah berjumlah **RM25,854,446** berbanding **RM36,853,875** pada tahun 2021. UMS telah membelanjakan sejumlah **RM16,983,534** daripada pemberian tersebut bagi tujuan projek pembangunan kampus tetap serta pembelian peralatan pengajaran Universiti.

JENIS PERBELANJAAN	2022		2021		2020	
	RM	%	RM	%	RM	%
Bekalan dan Lain-lain Perbelanjaan	1,678,728	9.9%	6,280,486	17.9%	3,677,413	27.1%
Pakej Bangunan	6,145,867	36.2%	15,284,989	43.4%	7,574,899	55.9%
Alat Kelengkapan dan Peralatan Pengajaran	9,158,939	53.9%	13,622,974	38.7%	2,301,315	17.0%
JUMLAH	16,983,534	100%	35,188,449	100%	13,553,627	100%

Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022

Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021

Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 43.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Sabah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Sabah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Sabah atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Sabah berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 SEPTEMBER 2023

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan** dan **Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah dengan ini menyatakan bagi pihak Lembaga bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Universiti Malaysia Sabah pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah,

.....

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL RAHMAN DAHLAN
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Sabah

.....

PROFESOR DATUK DR. KASIM HJ. MANSOR
Naib Canselor / Ahli Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 13 APR 2023
Tempat: Kota Kinabalu, Sabah

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA KEWANGAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **Badrul Hisham Ismail**, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Universiti Malaysia Sabah dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan Sesungguhnya }
diakui oleh **BADRUL HISHAM ISMAIL** C.A (M) }
di Kota Kinabalu, Sabah }
pada 13 APR 2023 }

.....

BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Di hadapan saya,

.....

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
No. PJS: S 217
BETO BIN PATRICK KUNGGO
1.2.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

No. 16-1, Lot 51 Blok B, 1st Floor,
Lorong Plaza Kingfisher 4,
Plaza Kingfisher, Kuala Inanam,
88450 Kota Kinabalu, Sabah

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN 2022	KUMPULAN 2021 Dinyatakan Semula	UNIVERSITI 2022	UNIVERSITI 2021 Dinyatakan Semula
		RM	RM	RM	RM
HARTANAH DAN PERALATAN	3	4,666,488,883	4,764,784,971	4,663,051,847	4,761,101,575
HARTANAH PELABURAN	4	11,506,329	11,745,214	11,506,329	11,745,214
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	5	12,606,971	14,971,518	12,606,971	14,971,518
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	9,279,641	10,607,796
PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	7	1,603,971	1,847,626	-	-
PELABURAN JANGKA PANJANG	8	500,000	500,000	500,000	500,000
PENGHUTANG PINJAMAN	10	1,378,063	1,174,261	1,378,063	1,174,261
PENGHUTANG	9	612,901	126,572	612,901	126,572
MUHIBAH ATAS PENYATUAN		27,626	27,626	-	-
		4,694,724,744	**4,795,177,788**	**4,698,935,752**	**4,800,226,936**
ASET SEMASA					
Deposit, Tunai Di Bank Dan Dalam Tangan	12	391,211,324	362,454,122	388,460,965	358,468,451
Penghutang	9	19,303,634	21,460,469	16,112,847	17,155,749
Pelbagai Penghutang	11	7,519,654	6,862,535	3,700,086	3,709,187
Penghutang Pinjaman	10	404,283	429,170	404,283	429,170
Terhutang Oleh Subsidiari	13	-	-	-	44,190
Cukai		43,776	27,600	-	-
Inventori		31,585	43,556	-	-
Jumlah Aset Semasa		**418,514,256**	**391,277,452**	**408,678,181**	**379,806,747**
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang	14	11,913,549	14,409,215	11,604,433	13,925,647
Pelbagai Pemiutang	15	39,342,934	33,061,680	35,781,610	29,116,698
Pelbagai Cagaran	16	7,949,972	7,558,041	7,878,420	7,500,053
Manfaat Pekerja	25	6,136,385	5,811,936	6,136,385	5,811,936
Terhutang kepada Syarikat Bersekutu		20,247	-	-	-
Pemiutang Kewangan		217,158	224,117	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		**65,580,245**	**61,064,989**	**61,400,848**	**56,354,334**
ASET SEMASA BERSIH		**352,934,011**	**330,212,463**	**347,277,333**	**323,452,413**
		5,047,658,755	**5,125,390,251**	**5,046,213,085**	**5,123,679,349**
Dibiayai oleh:					
KUMPULAN WANG PENGURUSAN	18	2,689,408,798	2,747,572,988	2,689,408,798	2,747,572,988
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	19	1,754,147,529	1,791,900,371	1,754,147,529	1,791,900,371
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	20	3,078,521	1,024,963	3,078,521	1,024,963
KUMPULAN WANG ASRAMA	21	105,397,501	101,162,819	105,397,501	101,162,819
KUMPULAN WANG PINJAMAN	22	4,000,000	4,000,000	4,000,000	4,000,000
KUMPULAN WANG PENDAPATAN	23	165,242,334	172,054,249	158,924,623	167,064,693
AKAUN AMANAH DAN TABUNG	24	106,056,447	97,758,209	106,056,447	97,758,209
LEBIHAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI		(6,333,499)	(5,020,691)	-	-
		4,820,997,631	4,910,452,908	4,821,013,419	4,910,484,043
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Manfaat Pekerja	25	61,114,816	54,611,183	61,114,816	54,611,183
Pemiutang Kewangan		1,393,195	1,567,253	-	-
Pelbagai Pemiutang	15	80,548,618	85,757,958	80,495,921	85,598,740
Hasil Tertunda	17	83,588,929	72,985,383	83,588,929	72,985,383
Cukai Tertunda		15,566	15,566	-	-
		5,047,658,755	**5,125,390,251**	**5,046,213,085**	**5,123,679,349**

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN 2022	KUMPULAN 2021 Dinyatakan Semula	UNIVERSITI 2022	UNIVERSITI 2021 Dinyatakan Semula
		RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN					
Urus Niaga Bukan Pertukaran	**27**	461,574,648	448,157,278	461,574,648	448,157,278
Urus Niaga Pertukaran	**28**	27,178,998	21,133,782	22,112,893	19,970,113
Pendapatan Lain	**29**	4,995,316	12,744,946	3,466,975	10,740,515
JUMLAH PENDAPATAN		493,748,962	482,036,006	487,154,516	478,867,906
PERBELANJAAN					
Emolumen	**26**	242,125,128	219,041,346	240,965,631	217,552,146
Perkhidmatan Dan Bekalan		172,179,647	166,095,677	166,325,807	163,315,506
Pemberian Dan Kenaan Tetap		27,272,304	22,641,455	27,272,304	22,641,455
Perbelanjaan Lain		141,658,293	163,588,317	142,061,398	164,670,344
JUMLAH PERBELANJAAN		583,235,372	571,366,795	576,625,140	568,179,451
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(89,486,410)	(89,330,789)	(89,470,624)	(89,311,545)
CUKAI		-	(11,890)	-	-
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		(89,486,410)	(89,342,679)	(89,470,624)	(89,311,545)
KEPENTINGAN MINORITI		-	-	-	-
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN		**(89,486,410)**	**(89,342,679)**	**(89,470,624)**	**(89,311,545)**

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

KUMPULAN

TAHUN 2022		Kumpulan Wang								
		Pengurusan	Pembangunan	Penyelidikan	Asrama	Pinjaman	Pendapatan	Akaun Amanah	Syarikat Subsidiari	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Nota	18	19	20	21	22	23	24		
Baki Pada 1 Januari 2022		2,747,572,988	1,791,900,371	1,024,963	101,162,819	4,000,000	172,054,249	97,758,209	(5,020,691)	4,910,452,908
Pelarasan Tahun Lepas		-	-	-	-	-	-	-	31,133	31,133
		2,747,572,988	1,791,900,371	1,024,963	101,162,819	4,000,000	172,054,249	97,758,209	(4,989,558)	4,910,484,041
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan		(58,073,987)	(37,752,842)	2,056,629	3,380,677	-	(6,446,133)	8,693,187	(1,343,941)	(89,486,410)
		2,689,499,001	1,754,147,529	3,081,592	104,543,496	4,000,000	165,608,116	106,451,396	(6,333,499)	4,820,997,631
Pindahan Ke/(Dari) Kumpulan Wang		(90,203)	-	(3,071)	854,005	-	(365,782)	(394,949)	-	-
Baki Pada 31 Disember 2022		**2,689,408,798**	**1,754,147,529**	**3,078,521**	**105,397,501**	**4,000,000**	**165,242,334**	**106,056,447**	**(6,333,499)**	**4,820,997,631**

TAHUN 2021		Kumpulan Wang								
		Pengurusan	Pembangunan	Penyelidikan	Asrama	Pinjaman	Pendapatan	Akaun Amanah	Syarikat Subsidiari	Jumlah
		Dinyatakan Semula	Dinyatakan Semula				Dinyatakan Semula		Dinyatakan Semula	
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Nota	18	19	20	21	22	23	24		
Baki Pada 1 Januari 2021		2,795,624,708	1,844,488,848	182,336	99,683,133	4,000,000	171,180,988	85,680,834	(1,081,276)	4,999,759,571
Pelarasan Tahun Lepas		-	-	-	-	-	-	-	36,016	36,016
		2,795,624,708	1,844,488,848	182,336	99,683,133	4,000,000	171,180,988	85,680,834	(1,045,260)	4,999,795,587
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan		(47,950,722)	(52,588,477)	848,370	1,481,691	-	2,090,541	10,751,349	(3,975,431)	(89,342,679)
		2,747,673,986	1,791,900,371	1,030,706	101,164,824	4,000,000	173,271,529	96,432,183	(5,020,691)	4,910,452,908
Pindahan Ke/(Dari) Kumpulan Wang		(100,998)	-	(5,743)	(2,005)	-	(1,217,280)	1,326,026	-	-
Baki Pada 31 Disember 2021		**2,747,572,988**	**1,791,900,371**	**1,024,963**	**101,162,819**	**4,000,000**	**172,054,249**	**97,758,209**	**(5,020,691)**	**4,910,452,908**

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

UNIVERSITI

TAHUN 2022		Kumpulan Wang							
		Pengurusan	Pembangunan	Penyelidikan	Asrama	Pinjaman	Pendapatan	Akaun Amanah	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Nota	18	19	20	21	22	23	24	
Baki Pada 1 Januari 2022		2,747,572,988	1,791,900,371	1,024,963	101,162,819	4,000,000	167,064,693	97,758,209	4,910,484,043
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan		(58,073,987)	(37,752,842)	2,056,629	3,380,677	-	(7,774,288)	8,693,187	(89,470,624)
		2,689,499,001	1,754,147,529	3,081,592	104,543,496	4,000,000	159,290,405	106,451,396	4,821,013,419
Pindahan Ke/(Dari) Kumpulan Wang		(90,203)	-	(3,071)	854,005	-	(365,782)	(394,949)	-
Baki Pada 31 Disember 2022		**2,689,408,798**	**1,754,147,529**	**3,078,521**	**105,397,501**	**4,000,000**	**158,924,623**	**106,056,447**	**4,821,013,419**

TAHUN 2021		Kumpulan Wang							
		Pengurusan	Pembangunan	Penyelidikan	Asrama	Pinjaman	Pendapatan	Akaun Amanah	Jumlah
		Dinyatakan Semula	Dinyatakan Semula				Dinyatakan Semula		
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Nota	18	19	20	21	22	23	24	
Baki Pada 1 Januari 2021		2,795,624,708	1,844,488,848	182,336	99,683,133	4,000,000	170,135,729	85,680,834	4,999,795,588
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan		(47,950,722)	(52,588,477)	848,370	1,481,691	-	(1,853,756)	10,751,349	(89,311,545)
		2,747,673,986	1,791,900,371	1,030,706	101,164,824	4,000,000	168,281,973	96,432,183	4,910,484,043
Pindahan Ke/(Dari) Kumpulan Wang		(100,998)	-	(5,743)	(2,005)	-	(1,217,280)	1,326,026	-
Baki Pada 31 Disember 2021		**2,747,572,988**	**1,791,900,371**	**1,024,963**	**101,162,819**	**4,000,000**	**167,064,693**	**97,758,209**	**4,910,484,043**

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN 2022	KUMPULAN 2021 Dinyatakan Semula	UNIVERSITI 2022	UNIVERSITI 2021 Dinyatakan Semula
		RM	RM	RM	RM
Tunai Daripada Operasi					
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai		(89,486,410)	(89,330,789)	(89,470,624)	(89,311,545)
Pelarasan Untuk:					
Susut nilai dan Pelunasan Aset		124,886,914	145,547,143	124,635,197	145,268,839
Peruntukan Hutang Ragu		(393,061)	(2,777,169)	(393,061)	(2,679,796)
Pelarasan Tahun Lepas		31,133	36,016	-	-
Pelarasan Untuk Hartanah dan Peralatan		6,136	326,985	6,136	322,506
Faedah Diterima		(281,848)	(487,139)	(9,753,828)	(8,300,000)
Keuntungan dalam Syarikat Bersekutu		243,655	409,435	-	-
Kerugian dalam Anak Syarikat		-	-	1,328,155	3,944,299
Pemberian Kerajaan Direalisasi		(53,913,227)	(64,702,824)	(53,913,227)	(64,702,824)
Kurangan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(18,906,708)	(10,978,342)	(27,561,252)	(15,458,521)
(Penambahan)/Pengurangan Inventori		11,971	6,812	-	-
(Penambahan)/ Pengurangan Penghutang		2,063,567	(1,725,553)	949,634	875,840
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Pinjaman		(178,915)	593,315	(178,915)	593,316
(Penambahan)/Pengurangan Pelbagai Penghutang		(657,118)	4,319,469	9,101	(10,700)
(Penambahan)/Pengurangan Jumlah Terhutang Oleh Subsidiari		-	-	44,190	-
Pengurangan/(Penambahan) Lain-lain Simpanan Tetap dengan Institusi Kewangan		36,088,553	(23,023,238)	36,088,553	(23,023,238)
Penambahan/(Pengurangan) Pemiutang		(2,495,666)	(1,556,795)	(2,321,214)	(1,665,986)
Penambahan/ (Pengurangan) Pelbagai Pemiutang		1,071,914	(390,030)	1,562,093	(1,473,471)
Penambahan/(Pengurangan) Pelbagai Cagaran		391,931	988,539	378,367	966,403
Penambahan/ (Pengurangan) Manfaat Kakitangan		6,828,082	2,959,043	6,828,082	2,959,043
Penambahan/ (Pengurangan) Terhutang Kepada Syarikat Bersekutu		20,247	-	-	-
Penambahan/(Pengurangan) Jumlah Pemiutang Kewangan		(181,017)	(140,513)	-	-
Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi					
Cukai Dibayar		(26,377)	(22,600)	-	-
Cukai Dibayar Balik		10,200	52,606	-	-
Tunai Bersih Diperolehi Daripada Operasi		**24,040,664**	**(28,917,287)**	**15,798,639**	**(36,237,314)**
Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan/ Pembiayaan					
Pembelian Hartanah dan Peralatan		(26,358,077)	(37,634,676)	(26,352,720)	(37,634,376)
Bayaran Pembinaan Dalam Kemajuan		(6,505,058)	(19,549,130)	(6,505,058)	(19,549,130)
Pengurangan Pembinaan Dalam Kemajuan		8,869,605	19,521,250	8,869,605	19,521,250
Terbitan daripada syarikat subsidiari		-	-	-	-
Faedah diterima		281,848	487,139	9,753,828	8,300,000
Terimaan Pemberian Kerajaan		64,516,773	26,584,002	64,516,773	26,584,002
Tunai Bersih Dibiayai kepada Aktiviti Pelaburan		**40,805,091**	**(10,591,415)**	**50,282,428**	**(2,778,254)**
Penambahan/(Penurunan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		64,845,755	(39,508,702)	66,081,067	(39,015,568)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari		250,230,597	289,739,299	246,244,926	285,260,494
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	**12**	**315,076,352**	**250,230,597**	**312,325,993**	**246,244,926**

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	JUMLAH BAJET Asal	JUMLAH BAJET Akhir	JUMLAH SEBENAR	VARIAN Bajet ^
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Urus Niaga Bukan Pertukaran	381,028,000	381,028,000	386,215,158	(5,187,158)
Urus Niaga Pertukaran	-	-	6,432	(6,432)
Pendapatan Lain	-	-	2,573,573	(2,573,573)
Jumlah Pendapatan	**381,028,000**	**381,028,000**	**388,795,163**	**(7,767,163)**
PERUNTUKAN				
Emolumen				
Gaji dan Upahan	154,563,899	154,563,899	150,891,355	3,672,544
Elaun-elaun Tetap	57,682,375	57,682,375	58,311,816	(629,441)
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	26,363,896	26,363,896	26,562,470	(198,574)
Elaun Lebih Masa Kakitangan	1,800,000	1,800,000	1,502,928	297,072
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	5,801,200	5,801,200	3,475,360	2,325,840
Jumlah Emolumen	**246,211,370**	**246,211,370**	**240,743,929**	**5,467,441**
Perkhidmatan dan Bekalan				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,338,000	4,338,000	3,879,144	458,856
Pengangkutan Barang-barang	160,000	160,000	108,170	51,830
Perhubungan dan Utiliti	23,494,400	23,494,400	21,377,934	2,116,466
Sewaan	5,021,540	5,021,540	2,376,723	2,644,817
Bekalan dan Bahan Mentah dan Bahan Pembaikan	848,600	848,600	428,714	419,886
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	13,941,990	14,541,990	12,817,930	1,724,060
Penyelenggaraan dan Pembaikkan	39,521,790	39,521,790	34,739,895	4,781,895
Perkhidmatan Ikhtisas	62,661,920	64,388,120	47,566,837	16,821,283
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	**149,988,240**	**152,314,440**	**123,295,347**	**29,019,093**
Harta Modal	1,445,500.00	1,445,500	2,037,364	(591,864)
Pemberian dan Kenaan Tetap				
Perbelanjaan Cuti Belajar	1,450,000	1,450,000	563,328	886,672
Pemberian Dalam Negeri	1,657,000	1,657,000	1,543,964	113,036
Bayaran Ganjaran	3,000,000	3,000,000	235,782	2,764,218
Bayaran Gantian Cuti Rehat	1,700,000	1,700,000	8,018,641	(6,318,641)
Jumlah Pemberian dan Kenaan Tetap	**7,807,000**	**7,807,000**	**10,361,715**	**(2,554,715)**
Perbelanjaan Lain-Lain				
Pelbagai Belanja	8,177,890	8,177,890	11,437,044	(3,259,154)
Jumlah Perbelanjaan Lain	**8,177,890**	**8,177,890**	**11,437,044**	**(3,259,154)**
JUMLAH	**413,630,000**	**415,956,200**	**387,875,399**	**28,080,801**

^ Merujuk kepada Varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota di muka surat 122 hingga 157 adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT UNIVERSITI

Aktiviti utama Universiti Malaysia Sabah (UMS) ialah mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang Sastera, Sastera Ikhtisas, Sains Gunaan dan Teknologi dan bidang lain yang perlu serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan itu dalam bidang pengajian tersebut.

Tidak ada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun kewangan.

UMS ditubuhkan di Malaysia pada 30 Oktober 1994 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pejabat berdaftar Universiti adalah Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

UMS beroperasi di dua lokasi dimana kampus induknya terletak di Kota Kinabalu, Sabah manakala kampus cawangannya terletak di Wilayah Persekutuan Labuan dan mempunyai Kompleks Fakulti Pertanian Lestari yang beroperasi di Sandakan.

Jumlah bilangan kakitangan UMS pada akhir tahun ialah 3,229 (2021: 3,114).

Penyata kewangan UMS telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 13 April 2023.

2. DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Kumpulan terdiri daripada penyata kewangan UMS dan entiti yang dikawalnya telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)] yang diluluskan di Malaysia. Penyata kewangan entiti yang dikawal pula telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia [*Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS).

2.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan UMS dan entiti-entiti yang dikawalnya. Entiti yang dikawal adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Entiti yang dikawal disatukan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan entiti yang dikawal yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata prestasi kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh kuat kuasa pelupusan mengikut kesesuaian. Aset-aset dan liabiliti entiti yang dikawal dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih entiti yang dikawal yang di ambil alih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul dalam penyatuan.

Urus niaga antara Kumpulan, baki dan keuntungan tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan dan penyatuan penyata kewangan mencerminkan urus niaga luaran sahaja. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh diperoleh semula.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan entiti yang dikawal adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersih beserta dengan baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

Kepentingan minoriti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan terdiri daripada nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti yang diperoleh pada tarikh pengambilalihan bahagian minoriti dalam perubahan ekuiti entiti yang dikawal sejak itu.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan.

2.3 Entiti yang dikawal

Pelaburan di dalam entiti yang dikawal dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian rosot nilai adalah mengikut Nota 2.4 kepada penyata kewangan. Pada pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

(i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa dalam aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

(ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.5 Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dan jangka pendek di dalam syer-syer ekuiti tersiar harga dinyatakan atas kos dan nilai pasaran bersih yang mana lebih rendah. Dividen dari pelaburan syer tersiar harga diiktiraf sebagai pendapatan mengikut asas penerimaan.

Pelaburan jangka panjang di dalam syer-syer ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai.

Peruntukan rosot nilai akan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya.

Pindahan di antara pelaburan jangka pendek dan jangka panjang, jika ada, dilaksanakan menggunakan nilai kos pemilikan dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah.

2.6 Pengiktirafan Hasil

(i) <u>Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran</u>

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis

(ii) <u>Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran</u>

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(a) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Keuntungan simpanan tetap daripada tabung akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat dari peruntukan tabung tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambilkira dalam penyata prestasi kewangan.

(b) Yuran pengajian perlu dibayar setiap semester. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.

(c) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(d) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

2.7 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan dibuat bagi hutang ragu dan hutang lapuk berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama akaun penghutang dan pelbagai penghutang dimana kutipan balik di ragui atau amat tipis mengikut dasar yang diluluskan oleh pihak berkuasa kewangan UMS.

Mulai tahun 2008, UMS telah melaksanakan polisi hutang ragu seperti berikut: -

Tempoh hutang melebihi satu tahun sehingga tiga tahun	Tiada peruntukan dibuat
Tempoh hutang melebihi tiga tahun	Peruntukan 100% dibuat
Tempoh hutang melebihi lima tahun	Hapuskira

2.8 Hartanah dan Peralatan

(i) Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada.

Mulai tahun 2002, komponen kos hartanah dan peralatan yang dibeli dengan menggunakan kaedah Freight On Board (FOB) tidak mengambil kira kos insuran dan pengangkutan sebagai hartanah dan peralatan. Ini adalah disebabkan masalah pentadbiran untuk memperakaunkan kos-kos berkenaan sebagai kos hartanah dan peralatan.

Kos cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi pembelian hartanah dan peralatan tidak diambilkira sebagai kos hartanah dan peralatan.

Penilaian semula hartanah dilaksanakan mengikut keperluan.

(ii) Hartanah dan peralatan menurut Pekeliling Bendahari Bil.2/2017 Garis Panduan Pengurusan Aset Alih (GPPA) Universiti Malaysia Sabah Versi 2017 didefinisikan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik lebih daripada satu (1) tahun yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap unit kecuali hartanah dan peralatan yang diperolehi daripada Islamic Development Bank (IDB).

Mulai tahun 2005, definisi ini tidak termasuk perabot, permaidani, langsir, pinggan mangkuk dan seumpamanya walau apa pun kos perolehan asalnya.

Mulai tahun 2009 definisi ini tidak termasuk perisian komputer dan seumpamanya walau apa pun kos perolehan asalnya.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

Perbelanjaan penambahbaikan dan pengubahsuaian dipermodalkan jika ianya meningkatkan usiaguna hartanah dan peralatan berkenaan dan jumlah perbelanjaan melebihi 5% dari kos asal hartanah dan peralatan berkenaan bagi:

(a) Bangunan
(b) Alat kelengkapan mekanikal dan elektrikal
(c) Infrastruktur

Perbelanjaan pembaikan selain penyelenggaraan berjadual bagi kenderaan dan jentera yang melibatkan kapasiti enjin dipermodalkan sebagai tambahan kos kepada hartanah dan peralatan berkenaan.

(iii) Susut nilai hartanah dan peralatan tahunan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan hartanah dan peralatan berkenaan. Mulai tahun 2002, susut nilai dikenakan penuh bagi bangunan, infrastruktur dan kemudahan berasaskan nilai yang disahkan pada penghujung tahun kewangan. Susut nilai kenderaan, kelengkapan dan peralatan dikira mengikut tarikh pengesahan hartanah dan peralatan tersebut. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah (milik pajakan)	:	Mengikut tempoh pajakan
Infrastruktur dan Kemudahan	:	5%
Bangunan	:	2%
Kabin	:	5%
Kenderaan	:	20%
Kelengkapan dan Peralatan	:	20%

(iv) Tanah-tanah yang diduduki oleh UMS daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan secara sewaan diiktiraf sebagai hartanah dan peralatan pada tahun semasa disebabkan perjanjian pajakan selama 99 tahun telah dimuktamadkan dan UMS mempunyai hak untuk menduduki, mengguna, mengawal, mengurus, mengoperasi, menyelenggara, membangun dan mengubahsuai apa-apa berkaitan tanah.

(v) Nilai dibawa bagi hartanah dan peralatan telah dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk hartanah dan peralatan tersebut berkemungkinan rosot nilai. Rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai hartanah dan peralatan dibawa dengan jumlah yang boleh diterima bagi hartanah dan peralatan tersebut. Sebarang rosot nilai dikenakan kepada penyata pendapatan dengan serta merta.

(vi) Mulai tahun 2006, jika terdapat tanda rosot nilai pada hartanah dan peralatan nilai dibawa untuk hartanah dan peralatan tersebut akan dinilai semula dan seterusnya diturunkan kepada nilai yang boleh dicapai.

2.9 Hartanah Pelaburan

(i) Hartanah Pelaburan terdiri daripada harta yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos. Perolehan hartanah pelaburan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

(ii) Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada). Susut nilai dikira menggunakan kaedah garis lurus mengikut anggaran usia guna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak diperuntukkan susut nilai. Caj susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

2.9 Hartanah Pelaburan (SAMB.)

(iii) Hartanah pelaburan dinyahiktiraf sama ada aset tersebut telah dilupuskan atau tidak lagi digunakan secara tetap dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya. Untung atau rugi daripada pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh hartanah tersebut dinyahiktiraf.

(iv) Kadar susut nilai bagi bangunan yang diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan seperti dalam Nota 4 adalah pada kadar dua peratus (2 %).

2.10 Pajakan

(i) Pajakan kewangan/ sewa beli

Pajakan kewangan/ sewa beli bagi hartanah dan peralatan di mana UMS menanggung keseluruhan faedah di samping risiko pemilikan aset dikategorikan sebagai pajakan kewangan/ sewa beli.

Pajakan kewangan/ sewa beli dimodalkan pada permulaan pajakan/ sewa beli pada nilai faedah terendah di antara nilai wajar hartanah yang dipajakkan/ sewa beli atau nilai semasa pembayaran pajakan/ sewa beli minima.

Setiap bayaran pajakan/ sewa beli diagihkan di antara liabiliti dengan caj kewangan untuk mendapatkan kadar tetap di atas baki kewangan tertunggak. Tanggungjawab sewa yang dialami, ditolak caj kewangan, dimasukkan ke dalam pinjaman. Elemen faedah untuk pajakan kewangan/ sewa beli dicajkan kepada penyata kewangan sepanjang tempoh pajakan/ sewa beli.

Hartanah dan peralatan yang diperoleh dengan cara pajakan kewangan/ sewa beli disusut nilai mengikut jangka hayat guna aset tersebut.

(ii) Pajakan Operasi

Pajakan di mana keseluruhan faedah dan risiko pemilikan aset ditanggung oleh pemajak dikategorikan sebagai pajakan operasi. Pembayaran pajakan operasi (selepas ditolak sebarang bentuk insentif yang diterima oleh pemajak) dicajkan dalam penyata prestasi kewangan berdasarkan kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan tersebut.

2.11 Aset Hidup

Aset hidup UMS adalah bertujuan untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Hasil dan kos aset hidup diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan pada tahun semasa.

2.12 Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan dinilai mengikut kos pembinaan (peringkat pembayaran) atau pembekalan peralatan yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan susut nilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan/ belian akan dipindahkan ke dalam hartanah dan peralatan apabila;

(a) Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan manfaat ekonomi telah diperolehi daripada penggunaan hartanah dan peralatan tersebut.
(b) Perakuan bekalan peralatan disempurnakan.

Sebarang bayaran tambahan akan diakaunkan terus kepada hartanah dan peralatan berkenaan.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pelbagai yuran	53,620,963	46,636,158	53,620,963	46,636,158
Pelbagai denda dan hukuman	987,983	1,376,437	987,983	1,376,437
Pemberian Kerajaan dan lain-lain sumbangan	6,816,009	17,805,407	6,816,009	17,805,407
	461,574,648	**448,157,278**	**461,574,648**	**448,157,278**

28. URUS NIAGA PERTUKARAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
		Dinyatakan Semula		
	RM	RM	RM	RM
Faedah Diterima	9,792,022	8,377,703	9,753,828	8,300,000
Sewaan	1,370,048	1,169,879	1,370,048	1,169,879
Jualan borang dan pelbagai	705,600	149,552	705,600	149,552
Pelbagai yuran	11,177,258	6,773,560	6,149,347	5,687,594
Hasil perkhidmatan dan ikhtisas	2,031,976	3,859,637	2,031,976	3,859,637
Terimaan daripada seminar/persidangan	2,102,094	803,451	2,102,094	803,451
	27,178,998	**21,133,782**	**22,112,893**	**19,970,113**

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

29. PENDAPATAN LAIN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Pendapatan Lain	1,528,341	2,004,432	-	-
Pulangan balik belanja	3,295,061	10,728,094	3,295,061	10,728,095
Pelbagai terimaan	171,914	12,420	171,914	12,420
	4,995,316	**12,744,946**	**3,466,975**	**10,740,515**

30. LIABILITI KONTINGENSI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Prosiding Timbangtara*	17,283,980	17,552,411	17,283,980	17,552,411
Baki pada 31 Disember	**17,283,980**	**17,552,411**	**17,283,980**	**17,552,411**

** Tiada penerangan lanjut kerana perkara ini masih tertakluk kepada perbicaraan di Mahkamah/Timbangtara*

31. ASET KONTINGENSI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Tuntutan ke atas tunggakan sewa kafeteria	-	-	-	-
Tuntutan ke atas pecah kontrak biasiswa*	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember	**-**	**-**	**-**	**-**

UMS berpendapat pendedahan ke atas sebarang maklumat lanjut tentang perkara tersebut adalah prejudis kepada kepentingan UMS.

* Bagi tuntutan ke atas pecah kontrak perjanjian biasiswa:

(i) Kutipan bon atau gantirugi atas pecah kontrak perjanjian biasiswa cuti belajar bagi bekas kakitangan ataupun kakitangan UMS adalah diiktiraf sebagai penghutang setelah penama bersetuju dengan amaun tuntutan gantirugi tersebut ataupun setelah mendapat penghakiman Mahkamah bagi penama yang ingkar dengan tuntutan gantirugi.

(ii) Bayaran *nominal damages* bagi pecah kontrak perjanjian biasiswa cuti belajar bagi kakitangan UMS tidak diiktiraf sebagai penghutang dengan mengambil kira bahawa pihak UMS menangguhkan proses tuntutan pecah kontrak kakitangan sepanjang tempoh bayaran *nominal damages* mengikut terma perjanjian yang ditandatangani.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

32. KOMITMEN MODAL

Komitmen UMS pada akhir tahun adalah seperti berikut

		KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2022	2021	2022	2021
		RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Pengurusan					
Aset		881,801	1,159,354	881,801	1,159,354
Bukan Aset		9,617,314	18,129,092	9,617,314	18,129,092
Komitmen Kontrak Bermasa		37,009,071	42,371,660	37,009,071	42,371,660
		47,508,186	**61,660,106**	**47,508,186**	**61,660,106**
Kumpulan Wang Pembangunan					
Aset	**32.1**	31,811,404	11,396,296	31,811,404	11,396,296
Bukan Aset	**32.1**	3,241,682	4,286,460	3,241,682	4,286,460
Komitmen Kontrak Bermasa		27,500	357,500	27,500	357,500
		35,080,586	**16,040,256**	**35,080,586**	**16,040,256**
Kumpulan Wang Amanah					
Aset		7,579,490	-	7,579,490	-
Bukan Aset		5,230,171	861,914	5,230,171	861,914
Komitmen Kontrak Bermasa		-	139,000	-	139,000
		12,809,661	**1,000,914**	**12,809,661**	**1,000,914**
Kumpulan Wang Penyelidikan					
Aset		405,290	4,198,459	405,290	4,198,459
Bukan Aset		1,156,082	3,219,286	1,156,082	3,219,286
Komitmen Kontrak Bermasa		-	-	-	-
		1,561,372	**7,417,745**	**1,561,372**	**7,417,745**
Kumpulan Wang Asrama					
Aset		-	1,652,781	-	1,652,781
Bukan Aset		1,331,750	1,479,669	1,331,750	1,479,669
Komitmen Kontrak Bermasa		1,767,944	-	1,767,944	-
		3,099,694	**3,132,450**	**3,099,694**	**3,132,450**
Kumpulan Wang Pendapatan					
Aset		652,094	488,908	652,094	488,908
Bukan Aset		2,366,178	3,459,996	2,366,178	3,459,996
Komitmen Kontrak Bermasa		-	-	-	-
		3,018,272	**3,948,904**	**3,018,272**	**3,948,904**
Baki pada 31 Disember		**103,077,771**	**93,200,375**	**103,077,771**	**93,200,375**
Dibenarkan dan dikontrakkan		103,077,771	93,200,375	103,077,771	93,200,375
Baki pada 31 Disember		**103,077,771**	**93,200,375**	**103,077,771**	**93,200,375**

32.1 Konsesi Hospital

Termasuk dalam amaun komitmen aset dan bukan aset dalam Kumpulan Wang Pembangunan adalah kos pembangunan Hospital Mengajar UMS (HUMS). UMS telah memasuki satu perjanjian konsesi yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan B.H.O Melati Sdn Bhd pada 3 Jun 2015 untuk membangunkan HUMS. Construction Commencement Date telah dipersetujui oleh UMS dan B.H.O Melati Sdn. Bhd. melalui surat konsesi bertarikh 28 November 2017.

Jumlah kos pembangunan fizikal keseluruhan adalah sebanyak RM668 juta. Tempoh Perjanjian Konsesi ini adalah selama 30 tahun termasuk 3 tahun pembangunan hospital.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

33. TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN

33.1 Anak Syarikat

	UNIVERSITI	
	2022	2021
	RM	RM
Pendapatan daripada Syarikat Subsidiari		
Pelbagai Yuran	-	-
Faedah Diterima dan Pendapatan Dari Pelaburan	-	-
	-	-
Perbelanjaan dibayar kepada Syarikat Subsidiari		
Perkhidmatan dan Bekalan	866,731	957,249
Pemberian dan Kenaan Tetap	-	-
Perbelanjaan Lain	-	-
	866,731	**957,249**

33.2 Emolumen dan Elaun Lembaga Pengarah Universiti

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
1. Pengarah Eksekutif				
Gaji	253,713	295,379	253,713	295,379
Elaun-elaun	156,491	186,398	156,491	186,398
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja/ Pencen	35,389	51,394	35,389	51,394
Baki pada 31 Disember	**445,593**	**533,171**	**445,593**	**533,171**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
2. Pengarah Bukan Eksekutif				
Gaji	139,226	127,730	139,226	127,730
Elaun-elaun	686,529	681,950	686,529	681,950
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja/ Pencen	24,365	22,353	24,365	22,353
Baki pada 31 Disember	**850,120**	**832,033**	**850,120**	**832,033**

34. LIABILITI CUKAI PENDAPATAN

Universiti Malaysia Sabah telah mendapat pengecualian Cukai Pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13, Jadual 6, bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai Tahun Taksiran 2002. Pihak Universiti juga telah dapat pengesahan bertulis tentang status cukai bagi tahun-tahun taksiran lain sebelum Tahun Taksiran 2002.

Perbelanjaan cukai pendapatan entiti yang dikawal yang diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung dengan keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

34. LIABILITI CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf di dalam liabiliti semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf di dalam aset semasa.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai. Aset cukai tertunda pula diiktiraf bagi perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan pada tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil dan muhibah negatif.

35. TRANSAKSI MATA WANG ASING

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetary pada permulaannya didominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

36. KADAR TUKARAN ASING

	UNIVERSITI	
	2022	2021
	RM	RM
Kadar tukaran asing prinsipal yang digunakan untuk setiap unit tukaran asing adalah seperti berikut:		
Dollar Amerika Syarikat	4.390	4.174

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

37. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet UMS telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) pada 20 Disember 2021. Peningkatan Bajet Akhir 2022 sejumlah RM2.32 juta adalah selaras dengan penyaluran peruntukan geran tambahan yang diterima oleh Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS).

Bajet dan penyata kewangan UMS disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar di dalam penyata kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet UMS hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti di bawah:

2022	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Jumlah sebenar atas dasar perbandingan seperti yang dibentangkan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	387,875,399	-	-	387,875,399
Perbezaan asas	58,993,751	-	-	58,993,751
Jumlah sebenar atas dasar perbandingan seperti yang dibentangkan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	446,869,150	-	-	446,869,150

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

38. ANGKA PERBANDINGAN

		Seperti Dilaporkan Sebelum	Pelarasan	Seperti Dilaporkan Selepas
		RM	RM	RM
KUMPULAN				
Penyata Kedudukan Kewangan				
Hartanah dan Peralatan	**39.1/ 39.3**	4,770,724,051	(5,939,080)	4,764,784,971
Hartanah Pelaburan	**39.2**	-	11,745,214	11,745,214
Pembinaan Dalam Kemajuan	**39.1/ 39.3**	21,303,689	(6,332,171)	14,971,518
Penghutang	**39.4**	21,679,226	(218,757)	21,460,469
Pemiutang	**39.4**	14,598,493	(189,278)	14,409,215
Pelbagai Pemiutang	**39.4/ 39.5**	118,761,851	57,787	118,819,638
Kumpulan Wang Pengurusan	**39.5**	2,747,634,229	(61,241)	2,747,572,988
Kumpulan Wang Pembangunan	**39.1 / 39.3**	1,792,372,371	(472,000)	1,791,900,371
Kumpulan Wang Pendapatan	**39.4**	172,108,288	(54,039)	172,054,249
Lebihan Terkumpul Syarikat Subsidiari	**39.4**	(4,994,668)	(26,023)	(5,020,691)
Penyata Prestasi Kewangan:				
Urus Niaga Pertukaran	**39.4**	21,194,351	(60,569)	21,133,782
Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan	**39.4**	166,288,409	(192,732)	166,095,677
Perbelanjaan Lain	**39.4**	163,453,327	134,990	163,588,317
Lebihan Pendapatan	**39.4**	(89,339,852)	(2,827)	(89,342,679)
UNIVERSITI				
Penyata Kedudukan Kewangan				
Hartanah dan Peralatan	**39.1 / 39.3**	4,767,040,655	(5,939,080)	4,761,101,575
Hartanah Pelaburan	**39.2**	-	11,745,214	11,745,214
Pembinaan Dalam Kemajuan	**39.3**	21,303,689	(6,332,171)	14,971,518
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	**39.4**	10,633,822	(26,026)	10,607,796
Pelbagai Pemiutang	**39.5**	114,654,197	61,241	114,715,438
Kumpulan Wang Pengurusan	**39.5**	2,747,634,229	(61,241)	2,747,572,988
Kumpulan Wang Pembangunan	**39.1 / 39.3**	1,792,372,371	(472,000)	1,791,900,371
Kumpulan Wang Pendapatan	**39.1 / 39.4**	167,144,756	(80,063)	167,064,693
Penyata Prestasi Kewangan:				
Perbelanjaan Lain	**39.1 / 39.4**	164,667,515	2,829	164,670,344
Lebihan Pendapatan	**39.1 / 39.4**	(89,308,716)	(2,829)	(89,311,545)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

39. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas adalah merujuk kepada pelarasan seperti berikut:

39.1 Hartanah dan Peralatan

Pembinaan bangunan, fasiliti dan infrastruktur yang siap pada tahun 2019 dan 2021 berjumlah RM6,332,171 dengan belanja susut nilai berjumlah RM393,091.

39.2 Hartanah Pelaburan

Pelarasan bangunan kepada hartanah pelaburan selaras MPSAS 16 dengan kos berjumlah RM11,944,286 dan belanja susut nilai berjumlah RM199,072.

39.3 Pembinaan Dalam Kemajuan

Pelarasan kerja-kerja dalam kemajuan berjumlah RM6,332,171 kepada hartanah dan peralatan.

39.4 Rosot Nilai

Peruntukan rosot nilai bertambah sebanyak RM26,026 disebabkan oleh pelarasan ke atas jumlah kerugian terkumpul anak syarikat seperti berikut:

a) pelarasan tahun lalu bagi pendapatan yang terlebih iktiraf sebanyak RM158,860 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

b) pelarasan tahun lalu bagi pendapatan dan kos langsung yang terlebih iktiraf masing-masing berjumlah RM60,572 dan RM192,732.

39.5 Pajakan Kewangan

Pelarasan semula pajakan kewangan ke dalam pelbagai pemiutang sebanyak RM61,241 bagi Kumpulan Wang Pengurusan.

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

PEMBANGUNAN FIZIKAL

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Di bawah pimpinan Ketua Pegawai Digital (CDO), teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peran penting dalam mengakselerasi transformasi digital di Universiti Malaysia Sabah. Infrastruktur dan infostruktur ICT serta pengurusan maklumat merupakan elemen utama dalam menjayakan transformasi ini. Antara aktiviti penambahbaikan dan pembaharuan ICT yang telah dilaksanakan dalam tempoh tahun 2022-2023 adalah seperti berikut:

AKTIVITI PENAMBAIKAN/PEMBAHARUAN INFRASTRUKTUR ICT

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) sentiasa berterusan memastikan infrastruktur asas digital universiti dalam keadaan siap siaga dan mampu menampung keperluan semasa pengguna. Antara aktiviti yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

1. Penggunaan teknologi pintar *(smart technology)* dalam 17 bilik Dewan Kuliah Utama universiti dan pelaksanaan *smartclass room* fasa pertama di 7 lokasi terpilih.
2. Pembekalan peralatan asas pengajaran dan pembelajaran secara hibrid kepada seluruh fakulti sebanyak 100 unit.
3. Peningkatan capaian internet di Kampus Antarabangsa Labuan kepada 1 Gbps menggunakan teknologi SD-WAN.
4. Peningkatan keupayaan pelayan utama universiti melalui teknologi *Hyper Converged Infrastructure* (HCI) dengan melakukan pertambahan fizikal 70 unit RAM dan 56 *Rack Fan* di bilik pelayan pusat data universiti.
5. Pembekalan 1,200 unit *SIP Phone* agar sistem telekomunikasi (telefon) universiti dapat beroperasi tanpa gangguan.
6. Penyediaan peralatan *Video Conference* fasa pertama secara komprehensif di 7 lokasi yang telah dikenalpasti oleh pihak pengurusan universiti.
7. Penyelenggaraan teknologi Wi-Fi sedia ada secara berterusan bagi memastikan capaian internet sentiasa dalam keadaan baik.

Bagi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum, JTMK telah bekerjasama dengan Jabatan Pendaftar merealisasikan pemusatan kakitangan skim teknologi maklumat (F, FA dan FT) tercapai. Seramai 3 orang gred F41/44, 13 orang FA29 dan 7 orang FT17/22 telah dipusatkan perkhidmatan mereka bagi memastikan perkhidmatan ICT kepada universiti yang lebih kondusif.

AKTIVITI PENAMBAIKAN/PEMBAHARUAN INFOSTRUKTUR

Bahagian Infostruktur JTMK terlibat dalam pencapaian sembilan (9) *Performance Indicator* (PI) bagi tahun 2022 seperti yang berikut:-

1. Pencapaian peratusan (%) bagi aplikasi-aplikasi UMS untuk diintegrasikan menggunakan *Application Programming Interface* (API) telah meningkat kepada 85% pada tahun 2022 daripada 84% pada tahun 2021 bagi kesemua 40 aplikasi utama UMS. Peningkatan ini sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan UMS 2022-2027 bagi menjadikan semua aplikasi utama universiti dapat berkomunikasi antara satu sama lain dengan integrasi ini.
2. Pencapaian pembangunan aplikasi berkaitan perakaunan dan kewangan di bawah Komponen Kewangan pada tahun 2022 telah mencapai 62.5% berbanding hanya 47% pada tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 modul. Peningkatan ini disebabkan keperluan penggantian sistem kewangan sedia ada dengan sistem kewangan baharu dan dijangka siap secara keseluruhan pada tahun 2025.
3. Pencapaian pembangunan aplikasi berkaitan akademik di bawah Komponen Akademik pada tahun 2022 telah mencapai 83% berbanding 93% pada tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 96 modul. Penurunan pencapaian ini disebabkan terdapat keperluan pembangunan modul-modul baharu pada tahun 2022 dan tidak dapat disiapkan pada tahun tersebut.

4. Pencapaian pembangunan aplikasi berkaitan pentadbiran di bawah Komponen Pentadbiran pada tahun 2022 telah mencapai 86.9% berbanding 90% pada tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan modul sebanyak 182 modul. Penurunan ini disebabkan penambahan modul-modul baharu pada tahun 2022 seiring dengan usaha meningkatkan pencapaian perkhidmatan *End to End* bagi universiti terutama perkhidmatan-perkhidmatan *End to End* berkaitan sumber manusia.
5. Pencapaian pembangunan aplikasi berkaitan penyelidikan dan inovasi di bawah Komponen R&D pada tahun 2022 telah mencapai 87.3% berbanding 86% pada tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan modul sebanyak 73 modul. Peningkatan ini dapat digambarkan dengan usaha-usaha penambahbaikan modul-modul sedia ada dengan sedikit penambahan modul pada tahun 2022.
6. Latihan peningkatan kemahiran penggunaan aplikasi-aplikasi universiti oleh pemilik proses dan pengguna akhir adalah penting untuk meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada warga universiti. Jumlah latihan yang diberikan kepada pemilik proses dan pengguna akhir oleh Bahagian Infostruktur melalui sektor-sektor di bawah pada tahun 2022 adalah sebanyak 42 latihan berbanding dengan 28 latihan yang dilaksanakan tahun 2021.
7. Dalam usaha meningkatkan penggunaan aplikasi berbentuk *Internet of Thing* (IoT) dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) ke dalam ekosistem pentadbiran universiti, JTMK melalui Bahagian Infostruktur telah memulakan pembangunan aplikasi berkaitan IoT dan IR4.0 sejak tahun 2020. Pada tahun 2022, sebanyak dua (2) aplikasi berkaitan IOT dan IR4.0 telah dibangunkan dan digunakan dalam ekosistem pentadbiran berbanding tiada aplikasi pada tahun 2021.
8. Bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan melalui aplikasi-aplikasi atas talian yang disediakan, pihak JTMK telah membuat penggabungan atau *consolidation* pangkalan data bagi meningkatkan prestasi operasi dan memudahkan pemantauan setiap transaksi dalam pangkalan data universiti bagi 40 pangkalan data sistem aplikasi. Penggabungan telah berjaya dilakukan sebanyak 85% pada tahun 2022 berbanding 79% pada tahun 2021.
9. JTMK telah meningkatkan sistem sokongan aplikasi perkhidmatan dengan memperkenalkan KUKURO Chatbot yang bertindak sebagai ejen digital memberi sokongan kepada pengguna 24 jam tanpa henti (24/7). Dengan sistem sokongan ini pengguna yang bertanya melalui KUKURO mendapat respon secara automatik melalui maklumbalas dari pangkalan data pengetahuan yang disediakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Dalam usaha meningkatkan maklum balas oleh KUKURO, PTJ perlu menyalurkan maklumat berkaitan perkhidmatan yang diberikan kepada KUKURO. Pihak JTMK telah mengadakan bengkel kepada semua 40 PTJ untuk mengadaptasikan KUKURO dalam perkhidmatan yang diberikan. Pada tahun 2022, JTMK telah berjaya mengadakan sebanyak 53 bengkel pentabir penggunaan KUKURO berbanding 32 bengkel pada tahun 2021.

Laporan Pencapaian Status Perkhidmatan E2E *(End to End)* UMS Tahun 2022

Perkhidmatan E2E UMS merujuk kepada perkhidmatan-perkhidmatan universiti yang telah mencapai status dalam talian sepenuhnya. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah proses-proses kerja yang tidak lagi dilakukan secara manual sepenuhnya atau hibrid (separa manual) tetapi dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Senarai perkhidmatan E2E UMS yang dilaporkan kepada urus setia E2E Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah sebanyak 192 perkhidmatan.

Pada tahun 2022, pencapaian perkhidmatan E2E UMS telah mencapai 81.2% atau 156 daripada keseluruhan perkhidmatan berbanding 74.1% pada tahun 2021. JTMK telah merangka pelbagai usaha dan inisiatif baharu melalui Pelan Strategik Digital UMS untuk mencapai 100% status perkhidmatan E2E UMS.

AKTIVITI PENAMBAIKAN/PEMBAHARUAN MAKLUMAT

Pengurusan data dan maklumat UMS telah ditambahbaik dari semasa ke semasa terutamanya pada tahun 2022 yang mana Pusat Pengurusan Data dan Maklumat (PPDM) telah menambahbaik sistem permohonan data di Sistem *Data Warehouse* UMS seperti berikut:

1. Kelulusan permohonan data boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan lain. Fungsi ini penting terutamanya permohonan data melalui jawatankuasa yang ditubuhkan oleh UMS.
2. Permohonan data yang telah disiapkan boleh dimohon untuk ditambah baik oleh pemohon. Keadaan ini dapat menjimatkan masa pemohon daripada memohon kali kedua untuk data yang sama.
3. Fungsi arkib data juga telah diperkenalkan pada tahun 2022. Fungsi ini dapat membezakan permohonan data dari tahun semasa dan tahun yang sebelumnya.
4. Piagam pelanggan PPDM juga telah ditambah baik pada tahun 2022 yang mana tempoh masa bagi kriteria permohonan telah disesuaikan berdasarkan *trend* permohonan sebelum ini.

Pada tahun 2022, PPDM telah menerima dan memproses sebanyak 379 permohonan data sepanjang tahun. Sebanyak 363 permohonan telah berjaya disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

AKTIVITI PENAMBAIKAN/PEMBAHARUAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA

Bagi menyokong misi PPDM dalam membudayakan pembuatan keputusan berpandukan data, pelbagai aktiviti penyelidikan dan analisis data UMS telah dilaksanakan. Sejak penubuhannya, PPDM telah membangunkan pelbagai *dashboard* serta melaksanakan beberapa analisis data bagi memenuhi keperluan pentadbiran serta pengurusan di UMS dari peringkat pengurusan tertinggi, sehinggalah ke peringkat Jabatan, Akademi, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian (JAFPIB).

i. Antara *dashboard* terbaharu yang dibangunkan PPDM adalah Dashboard LPU UMS, Dashboard Report Card MyRA 2021, Dashboard Pemantauan MyRA (mengikut FAPI) serta Dashboard Output Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). *Dashboard-dashboard* berkenaan telah memberi impak yang positif khususnya dalam proses pembuatan keputusan. Contohnya, *Dashboard Report Card* MyRA 2021 telah menjadi rujukan dalam Anugerah Penyelidik UMS (APUMS 2021). Menyedari akan impak positif *dashboard* berkenaan, PPDM kini dalam proses akhir pembangunan Dashboard Report Card MyRA 2022.

ii. Antara analitik data yang telah dilaksanakan PPDM adalah Analisis Kesan Penglibatan dalam Unit Beruniform Terhadap Prestasi Akademik Pelajar, Analisis Prestasi Pelajar yang mengambil matapelajaran Matematik Tambahan berbanding yang tidak mengambil matapelajaran Matematik Tambahan, Analisis QS Ranking UMS (komponen penyelidikan dan sitasi), Analisis QS Ranking UMS (komponen sumber manusia) dan Analisis Darjah Kegembiraan UMS. Analisis-analisis tersebut juga turut menghasilkan impak yang positif. Sebagai contoh, Analisis Kesan Penglibatan dalam Unit Beruniform Terhadap Prestasi Akademik Pelajar telah dibentangkan dalam Mesyuarat Senat UMS bagi membantu proses pembuatan keputusan.

Sepanjang tahun 2022 sehingga bulan Jun 2023, sebanyak 15 buah *dashboard* baharu telah berjaya dibangunkan. Manakala, sebanyak 5 analisis data telah berjaya dilaksanakan sepanjang tempoh yang sama. Pada tahun 2022, PPDM telah membangunkan prosedur standard (SOP) permohonan *dashboard*/analitik data. SOP ini telah dimurnikan dan dimuktamadkan pada 2023 bagi membolehkan sistem permohonan dashboard/analitik data secara dalam talian dibangunkan.





JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN (JPP)

PEMBANGUNAN FIZIKAL TAHUN 2022

Pencapaian Projek

Pada tahun 2022 terdapat 8 projek baharu telah diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK12) kepada KPT. Satu daripada projek berkenaan ialah projek yang pernah dimohon sebelum ini iaitu pembinaan Dewan Kuliah Pusat Fakulti Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah dengan kos berjumlah RM55,500,000.00, manakala selebihnya adalah lebih kepada permohonan projek-projek pembaikan infrastruktur bangunan-bangunan kampus yang semakin usang perlu diselenggara seperti bumbung, mendapan tanah, cerun runtuh dan pembaikan struktur bangunan.

Pada tahun 2022 terdapat dua projek yang telah dilaksanakan sendiri oleh UMS iaitu Pembinaan Bangunan Pencawang Masuk Utama (11KV) Baharu dan Menaik Taraf Sistem Elektrik Voltan Tinggi di kampus induk Universiti Malaysia Sabah dengan kos berjumlah RM18,000,000.00 kini dalam fasa pembinaan sebanyak 25% kemajuan di tapak. Projek kedua ialah Pembinaan Tangki Imbangan Air Baharu Berkapasiti Lima Juta Liter di kampus induk Universiti Malaysia Sabah dengan kos berjumlah RM10,000,000.00 kini telah memasuki fasa pembuangan tanah untuk menyediakan tapak tangki dengan 4% kemajuan di tapak.

Projek Hospital Pengajar UMS di bawah *Public Private Partnership* (PPP) telahpun mencapai 49% kemajuan di tapak dan dijangka siap pada bulan Julai tahun 2023.

Projek Pembinaan dan Naik Taraf Jalan Masuk Utama Sepanjang 1.5KM ke Hospital Pengajar UMS dengan jumlah kos RM19 juta adalah projek ketiga UMS yang masih dalam pembinaan pada tahun 2021 dan pada masa ini pembinaan sedang berjalan dengan lancar dan peratus di tapak berjumlah 88% sehingga kini. Projek ini dijangka siap pada tahun 2023.

Dalam pada itu, KPT juga telah meluluskan sejumlah RM2.5 juta untuk Projek Menaik Taraf Infrastruktur Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Mesra OKU di bajet Kumpulan Wang Covid-19.

Projek Jalan Masuk Utama ke Hospital UMS

Projek Hospital Hospital UMS

Projek Masjid Fakulti Pertanian Lestari Sandakan

Kerja-kerja di Tapak Pembinaan Bangunan Pencawang Masuk Utama 11KV Baharu dan Menaik Taraf Sistem Elektrik Voltan Tinggi di Kampus Induk

Kerja Pembuangan Tanah di Tapak Pembinaan Tangki Imbangan Air Baharu Berkapasiti Lima Juta Liter di Kampus Induk

Laporan Penggunaan & Perbelanjaan Utiliti UMS Tahun 2022





LAPORAN MAKLUM BALAS ADUAN PELANGGAN MELALUI SISTEM TAMS JPP TAHUN 2022

Ringkasan trend laporan analisis tahap kepuasan melalui soal selidik kajian kepuasan pelanggan melalui sistem TAMS di bawah kendalian JPP bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

Platform Penilaian	2020	2021	2022
Sistem TAMS (JPP)	**Bilangan maklum balas diterima: 4968** Selesai: 4,754 (96%) Belum selesai: 214 (4%) **Tahap Kepuasan Pelanggan:** Skala Likert 3 dan ke atas: 99.9% **Bilangan responden : 4,754**	**Bilangan maklum balas diterima: 6287** Selesai: 6,007 (95.54%) Belum selesai: 280 (4.45%) **Tahap Kepuasan Pelanggan:** Skala Likert 3 dan ke atas: 99.1% **Bilangan responden: 6,007**	**Bilangan maklum balas diterima: 11,459** Selesai: 11,431 (99.76%) Belum selesai : 28 (0.24%) **Tahap Kepuasan Pelanggan:** Skala Likert 3 dan ke atas: **Bilangan responden: 11,431**

Statistik jumlah maklum balas aduan keseluruhan yang diterima melalui sistem TAMS sepanjang tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

2020	2021	2022
4,968	6,287	11,459

Keseluruhan aduan pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak (50.45%) berbanding aduan pada tahun 2021 (27.68%) dan 2020 (21.87%).

Peningkatan ini disebabkan keperluan untuk kerja-kerja pembaikan kerosakan pada bangunan dan fasiliti sedia ada di J/F/P/I/B. Selain daripada itu, permohonan bagi perkhidmatan dan tempahan peralatan bagi setiap majlis rasmi universiti dan aktiviti pelajar.

Keseluruhan aduan menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 termasuklah skop Awam sebanyak 5,662 aduan berbanding pada tahun 2021 (3,341 aduan) dan tahun 2020 (2,486 aduan).

Skop kerja Mekanikal & Elektrikal dan Perkhidmatan Pembersihan, Landskap & Kawalan Perosak masing-masing menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.



Analisis mendapati daripada 22,714 jumlah aduan keseluruhan yang diterima sepanjang 2020 - 2022, skop kerja Awam menyumbang aduan tertinggi iaitu sebanyak 11,489 aduan (50.58%) berbanding skop kerja yang lain. Diikuti oleh skop Mekanikal iaitu 4,718 aduan (20.77%), Elektrik 4,315 aduan (19.00%) dan Landskap sebanyak 1,236 aduan (5.44%).

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

Peningkatan aduan pada tahun 2022 disebabkan keperluan untuk pembaikan dan penyelenggaraan kerosakan kemudahan fasiliti dan peralatan sedia ada di dalam dan luar bangunan. Keperluan membaiki kerosakan yang telah tamat tempoh had bagi sebahagian bangunan untuk keselesaan pengguna universiti.



Analisis peratusan jumlah aduan yang berjaya diselesaikan bagi tempoh 2022 adalah sebanyak 11,431 (51.51%) aduan dan yang masih belum selesai adalah sebanyak 28 aduan (0.13%) dan dijangka siap sepenuhnya sehingga akhir bulan Mac 2023.

Terdapat peningkatan dalam penyelesaian aduan pelanggan bagi tahun 2022 dan menggambarkan juga peningkatan prestasi tindakan di peringkat jabatan dalam menyelesaikan aduan pelanggan. Semua aduan yang diterima bagi tahun 2020 dan 2021 telah berjaya diselesaikan sepenuhnya pada awal tahun berikutnya.

Analisis tahap kepuasan pelanggan melalui sistem TAMS sepanjang 2020-2022 menunjukkan secara ringkasnya, 5,503 (24.80%) responden memberikan rating cemerlang, 6,460 (29.11%) memberikan rating baik, 10,108 (45.55%) memberikan rating memuaskan, 106 (0.48%) memberikan rating kurang memuaskan dan lemah sebanyak (0.07%). Perincian pencapaian bagi setiap tahun adalah seperti berikut:

Secara keseluruhannya, maklum balas tahap kepuasan pelanggan ke atas perkhidmatan JPP melalui sistem TAMS bagi skala tiga dan ke atas adalah mencapai tahap peratusan 99.44% purata sepanjang 2020 – 2022.

Keseluruhan Skor Kepuasan Pelanggan Tahun 2020 Sehingga 2022	Jumlah & Peratusan	
CEMERLANG	5503	24.80%
BAIK	6460	29.11%
MEMUASKAN	10108	45.55%
KURANG MEMUASKAN	106	0.48%
LEMAH	15	0.07%
JUMLAH :	**22,192**	**100%**

RUNDINGAN DAN LATIHAN

UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. (UiNVEST) merupakan anak syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menjadikan bidang rundingan dan latihan sebagai salah satu kluster perniagaan utama. Bidang rundingan dan latihan ini dijalankan di bawah dua pusat perniagaan utama syarikat iaitu UMS Investment Consultancy Centre (UiCC) dan UMS Investment Centre for Profesional Development (UCPD) yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan juga Penyedia Latihan berdaftar di bawah Human Resource Development Corporation (HRDCorp).

Kedua-dua UiCC dan UCPD menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pakar-pakar dalam UMS untuk menyediakan perkhidmatan rundingan dan latihan yang berkualiti untuk industri terutamanya di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan selain terlibat dalam projek rundingan di peringkat kebangsaan.

AKTIVITI PERUNDINGAN TAHUN 2022

Aktiviti-aktiviti perundingan yang dijalankan di UiNVEST adalah dalam kategori "*Contract Research*" atau tender dan merangkumi pelbagai bidang kajian termasuk kajian sosial, alam sekitar, ekonomi, pembangunan produk, kejuruteraan, marin dan lain-lain. Tempoh pelaksanaan projek adalah bergantung dengan tempoh kontrak yang mana boleh mengambil masa dari satu bulan sehingga beberapa tahun. Jumlah keseluruhan nilai projek rundingan di bawah UiNVEST adalah sebanyak RM3,838,770.30. UiNVEST mencatatkan keuntungan kasar sebanyak RM333,659.69 daripada projek rundingan bagi tahun 2022.

Antara aktiviti perundingan bagi tahun 2022 yang dijalankan oleh UiNVEST melalui UiCC adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah:

Bil.	Tajuk Projek	Klien
1	*Research Contract for Impact of Dipterocamp Forest Restoration on Monkey Malaria*	The University of Western Australia
2	*A Research Contract for Association of Mosquito Abundance and Diversity with Roosting Sites of Proboscis Monkey*	Chubu University
3	Kajian bagi Projek *Aquaculture Feeds Development*	Eco Protein Sdn. Bhd.
4	Perkhidmatan Rundingan Projek *Feasibility Study for Integrated Water Resources and Flood Mitigation in Kota Belud, Sabah for* Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Malaysia.	Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd. (RBSB)
5	Perkhidmatan Sebagai Konsultan bagi Penerbitan Buku Pelan Induk Pembangunan Wanita Sabah (PIPWS; 2023-2032) di bawah Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS)	Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA)
6	*IDH Baseline Study: Development of Production, Protection, Inclusion (PPI) Compacts in 2 Landscapes in Sabah Kinabatangan and Kunak*	IDH Sustainable Trade Initiative (IDH), Netherlands
7	*The Formal Safety Inspection for Telibong II Off River Strorage (ORS) (Tamparuli), Milau Dam (Kudat) and Betotan Dam (Sandakan)*	OReads Buildingcare Sdn. Bhd.
8	*"Research and Development of Commercial Grade Granular Palm Kernel Shell Steam Activated Carbon Production for Water Treatment"*	Verde Resources (Malaysia) Sdn. Bhd.
9	*"Consultancy Contract for Forest and Mangrove Restoration in Living Landscaped"*	WWF Malaysia
10	Perkhidmatan Media Buy bagi Pelan Pemulihan untuk Organisasi Media Cetak / Elektronik / Dalam Talian – Pemulihan di Bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi tahun 2022	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
11	*Consultation Services on Advanced Aquaculture Hatchery System*	PT Suri Tani Pemuka, Indonesia (JAPFA)
12	*Rethink Fishing: Assessing Recreational Fishing to Build Back Better*	WWF Malaysia
13	Perkhidmatan Pemetaan dan Laporan *Soil Profiling*	Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Malaysia
14	*"The Macrobenthos Study for Labuan Crude Oil Terminal (LCOT) Year 2022"*	Chemsain Konsultant Sdn. Bhd.
15	Perkhidmatan Rundingan Kajian Penyediaan Penilaian dan Penyediaan Pelan Pengurusan bagi Pulau Mabul dan Pulau Pom Pom Semporna Sabah: Pemantauan Penyu di Kawasan Persarangan dan Pemakanan.	DHI Water & Environment (M) Sdn. Bhd.
16	"Program Inisiatif Dana bagi Penggerak Program SDG-WWF: *Greening Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) in Aquaculture via Circular Economy in Johor, Malaysia"*	WWF Malaysia
17	*"Marine Resources and International Treaties"*	Third World Network Berhad (TWN)
18	*Feasibility Study on opportunities for BIMP-EAGA to capitalize on the circular economy – BIMP-EAGA (Malaysia's) SMEs*	Asean-Japan Centre
19	Perkhidmatan Rundingan *Marine Habitat Mapping and Fisheries Review in Lahad Datu, Sabah, Malaysia*	Spartan Maritime (M) Sdn. Bhd.
20	Perkhidmatan Rundingan *Assessment and Restoration of Coral Reef and Seagrass Meadow in Pulau Mengalum*	Sin Chiun Holding Sdn. Bhd. (SCHSB)

PROGRAM LATIHAN BAGI TAHUN 2022

Kursus Jangka Pendek / Latihan Korporat / Seminar

Antara aktiviti latihan yang dijalankan oleh UiNVEST melalui UCPD adalah seperti yang berikut:

Latihan Korporat

Bil.	Nama Kursus	Klien	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	*Introduction to Machine Intelligence (MI) Online*	INSAN	1 - 3 Mac 2022	30
2.	*Contemporary Issues in Global and Malaysian Economy*	JPAN	15 - 16 Mac 2022	30
3.	*Basic Economics & Sabah State Development Plans 3.0 (1st Series)*	JPAN	12 - 13 Mei 2022	22
4.	*Resource Allocation & Budgeting Training (1st Series)*	JPAN	17-18 Mei 2022	28
5.	*Team Building Segment (2 Hours)*	JPKNS	26 Mei 2022	40
6.	*An Introduction to Virtual Reality (VR) Face to Face*	INSAN	20 - 23 Jun 2022	30
7.	*Team Building at ODEC Beach UMS*	Saham Sabah	2 Julai 2022	39
8.	*XXVII FIG CONGRESS 2022 at Warsaw, Poland*	JPAN	11 - 15 Sep 2022	3
9.	*Program Kepimpinan Transformatif & Pengurusan Organisasi*	INSAN	12 - 13 Oktober 2022	56
10.	*Growth Mindset for Leadership & Organisation*	INSAN	26 - 27 Oktober 2022	50
11.	*An Introduction to Augmented Reality (AR) Face to Face*	INSAN	26 - 28 Oktober 2022	25
12.	*Occupational Safety and Health (OSH) in Tourism Industry*	Terbuka	27 Oktober 2022	17
13.	*Basic Economics & Sabah State Development Plans 3.0 (2nd Series)*	JPAN	29 - 30 Nov 2022	32

Kursus Jangka Pendek

Bil.	Nama Kursus	Klien	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	*Data Science for Executive at London School of Economics*	JPAN	6 - 10 Jun 2022	7
2.	*Finance for Executive at London School of Economics*	JPAN	6 - 10 Jun 2022	5

Program Kerjasama bagi Verifikasi dan Pensijilan Program Latihan

Bil.	Nama Kursus	Rakan Strategik	Bilangan Peserta
1.	*Certificate Anti-Money Laundering / Financing of Terrorism & Regulatory Compliance*	*Sabah Skills & Technology Centre* (SSTC)	30
2.	*Professional Certificate in Supervisory Management*	SSTC	30
3.	*Professional Certificate in Procurement and Supply Operation*	Sawit Kinabalu Business Leadership Academy (SKBLA)	22
4.	*Certificate for Operational Excellence with Lean Kaizen*	SKBLA	28
5.	*Professional Certificate in Procurement and Supply Chain*	SKBLA	40
6.	*Certificate in Arts and Design*	*Kolej International Graduate Studies (KIGS), Brunei*	30
7.	*Certificate in Electronic Media Production*	*Kolej International Graduate Studies (KIGS), Brunei*	39

Pada tahun 2022, UCPD telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM1,193,574.08 iaitu RM1,041,696.48 daripada Latihan Korporat dan Kursus Jangka Pendek manakala Program Kerjasama bagi Verifikasi dan Pensijilan Program Latihan menjana pendapatan sebanyak RM151,877.60. UiNVEST mencatatkan keuntungan kasar sebanyak 32% daripada jumlah pendapatan UCPD bagi tahun 2022.

JAWATANKUASA KERJA LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

JAWATANKUASA KERJA LAPORAN TAHUNAN UMS 2022

PENGERUSI
Dr. Jakaria bin Dasan
Pengarah
Pusat Komunikasi Korporat

TIMBALAN PENGERUSI MERANGKAP PEGAWAI PENYELARAS
Ts. Dr. Nor Qhairul Izzreen binti Mohd Noor
Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat

SETIAUSAHA
Azliah binti Ahmad
Pembantu Tadbir (P/O)
Pusat Komunikasi Korporat

UNIT GRAFIK
Ramdan Saleh bin Nain
Pereka
Pusat Komunikasi Korporat

AUDITAN DATA
Noryanti @ Intih Jekoron
Ketua Pentadbiran
Pusat Pengurusan Data dan Maklumat

AHLI-AHLI:

1. **Professor Madya Dr. Azaze @ Azizi bin Haji Abdul Adis**
   Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
   Pascasiswazah

2. **Ts Dr. Ag Sufiyan bin Abd Hamid**
   Timbalan Pengarah
   Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat

3. **Sirahim Abdullah**
   Ketua Bahagian
   Pusat Pengurusan Sumber Manusia

4. **Nurhani binti Sugianto**
   Timbalan Pendaftar
   Jabatan Hal Ehwal Pelajar

5. **Alvin Azril bin Mahat @ Mehah**
   Ketua Pentadbiran
   Penerbit UMS

6. **Norhanieyati binti Norhaizat**
   Ketua Pentadbiran
   Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

7. **Abdul Haidy bin Abdul Hamid**
   Ketua Pentadbiran
   Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar

8. **Syed Mohd Mahyuddin bin Syed Satri**
   Ketua Pentadbiran
   Pusat Alumni

9. **Junainah binti Ismail**
   Ketua Pentadbiran
   Pusat Pengantarabangsaan & Penglibatan Global

10. **Rozaidah Amir Hussien**
    Penolong Pendaftar Kanan
    Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

11. **Kim Asbiyallah Shah Akim**
    Penolong Pendaftar Kanan
    Bahagian Perkhidmatan Akademik

12. **Jurinah Johnny**
    Ketua Pentadbiran
    Pusat Pengurusan Penyelidikan

13. **Mohamad Adam Sabri bin Magi**
    Pustakawan Kanan
    Perpustakaan UMS

14. **Azman Soaibah**
    Ketua Pentadbiran
    Pusat Sukan

15. **Mohd Aiddy Suffian Abd. Rashid**
    Ketua Pentadbiran
    Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan

16. **Nazrah binti Umdan**
    Penolong Bendahari
    Jabatan Bendahari

17. **Mohammad Fazri bin Abdul Hamid**
    Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan
    Pusat Islam UMS

18. **Winnie binti Edward Alau**
    Ketua Pentadbiran
    Jabatan Hal Ehwal Pelajar

19. **Herlina Jupiter**
    Penolong Pendaftar
    Pusat Pengajian Pascasiswazah

20. **Hinmin bin Chiam Tah Kong**
    Ketua Pentadbiran
    Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri

21. **Mohd. Jamal bin Atong**
    Ketua Pentadbiran
    Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat

22. **Sylvencent Pokhan**
    Penolong Pendaftar
    Pusat Pengurusan Strategik

23. **Aida Nadiah binti Ismail**
    Penolong Pendaftar
    Bahagian Pentadbiran dan Governan

24. **Francis Vincent Ariffin Jnr.**
    Pengurus Kumpulan (Operasi Perniagaan)
    UMS *Investment Holdings*

25. **Rozalia Sherly Jutih**
    Pegawai Korporat & Perancangan Strategik
    UMS *Investment Holdings*

CAINSELORI